

# Amanat: UMNO kaji ambil

UM 17 APR 2001

Oleh LOKMAN OTHMAN  
dan ZULKIFLI JALIL

KUALA LUMPUR 16 April — UMNO akan mengkaji bentuk tindakan yang akan diambil terhadap Timbalan Presiden Pas, Abdul Hadi Awang kerana masih mempertahankan Amanat Haji Hadi yang diucapkannya 20 tahun lalu.

Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, langkah itu demi memastikan keputusan Majlis Fatwa Kebangsaan yang memutuskan amanat tersebut bercanggah dengan Islam dihormati oleh rakyat.

“Kita kesal dengan sikap Abdul Hadi yang masih berdegil

tidak mahu mengakui keputusan Majlis Fatwa yang berpendapat amanat itu bertentangan dengan ajaran Islam. Ini menunjukkan dia tak hormati keputusan Majlis Fatwa,” katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) UMNO di ibu pejabat parti di sini hari ini.

Semalam, Abdul Hadi berkata, beliau akan meneruskan ceramahnya mengenai Amanat Haji Hadi di semua negeri jika diundang berbuat demikian.

Majlis Fatwa Kebangsaan pada 1986 memutuskan bahawa amanat itu bercanggah dengan ajaran Islam dan prinsip dakwah Islamiah.

Dalam pada itu UMNO kesal dengan sikap Pas yang meng-

anggap perbincangan bagi mengukuhkan perpaduan Melayu sebagai satu perkara yang bertentangan dengan Islam.

Dr. Mahathir berkata, anggapan Pas itu seolah-olah ingin menunjukkan bahawa orang Melayu yang memihak kepada orang Melayu lain adalah termasuk dalam golongan ‘assabiah’ iaitu keterlaluan semangat kebangsaan mereka.

“Kita tidak bersetuju dengan pandangan ini kerana berpendapat apa yang dituntut oleh kita adalah apa yang telah diterima oleh semua kaum,” katanya.

Menurut beliau, kaum Melayu yang masih lemah dari segi ekonomi perlu dipertahankan supaya negara ini dapat dibina

menjadi sebuah negara yang mempunyai kedudukan kaum yang lebih seimbang.

Dr. Mahathir memperingatkan bahawa orang Melayu sebelum kemerdekaan “secara rela hati telah menerima kaum lain sebagai rakyat negara ini dengan syarat mereka mengiktiraf kedudukan orang Melayu dan kita pula mengiktiraf kedudukan mereka.”

Bagaimanapun, katanya, UMNO masih lagi berminat untuk bertemu dengan Pas bagi membincangkan perkara itu tidak boleh menerima sebarang syarat yang dikenakan oleh mereka sebelum pertemuan itu diadakan.

Sementara itu Perdana Menteri menegaskan kerajaan tidak

## tindakan terhadap Hadi

akan mengkaji semula Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) buat masa ini kerana ia telah memberi banyak manfaat dalam memastikan keamanan negara.

Malah Dr. Mahathir berkata, rakyat gembira ekoran tindakan kerajaan menahan tujuh aktivis reformasi baru-baru ini di bawah akta tersebut.

“Ia (penahanan tujuh aktivis tersebut) dapat mengelakkan negara ini daripada kerosakan dan kemusnahan seperti yang berlaku di negara-negara lain.

“Dan rakyat tahu orang-orang ini telah pergi ke negara lain untuk mendapatkan bantuan dalam menganjurkan lebih banyak keganasan melalui demonstrasi.” katanya bagi men-

jelaskan pertanyaan seorang wartawan asing.

Wartawan tersebut meminta penjelasan sama ada ISA perlu dikaji semula ekoran banyak kritikan terhadap akta itu serta mahukan kesemua aktivis berkenaan perlu dibebaskan lebih awal.

Pihak polis bar-u-bar-u ini menahan tujuh aktivis reformasi di bawah ISA kerana disyaki merancang mencetuskan demonstrasi bercorak militan untuk menjatuhkan kerajaan.

Penahanan mereka juga berjaya mengelakkan kejadian buruk daripada berlaku sepanjang penganjuran ‘Black 14’ Sabtu lalu bagi mengingati tahun kedua Datuk Seri Anwar Ibrahim dipenjarakan.

Perdana Menteri bagaimanapun berkata, kerajaan bersedia untuk mengkaji penguatkuasaan ISA jika rakyat benar-benar faham mengenai demokrasi.

“Ia bergantung.., jika rakyat faham demokrasi bermakna bukan keganasan menjatuhkan kerajaan, pada ketika itu kita boleh kaji (terhadap penguatkuasaan ISA).

“Tetapi sekarang begitu jelas bahawa sesetengah orang berpendapat, jika mereka tidak dapat menang melalui peti undi, mereka terpaksa gunakan cara lain untuk menjatuhkan kerajaan dan itu bukan makna demokrasi pada pandangan kerajaan,” jelasnya.